

Bekas pengarah didenda palsukan dokumen Tas-Covid

KUALA LUMPUR – Seorang bekas Pengarah Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF) didenda RM85,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas kesalahan menggunakan dokumen pembayaran boucar palsu program Tamil Schools Post Covid-19 Assistance (Tas-Covid).

Hakim Suzana Hussain menjatuhkan hukuman itu ke atas S.S Vijaya Kumar, 47, selepas tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan. Tertuduh berdepan hukuman enam bulan penjara jika gagal membayar denda.

Vijaya didakwa menggunakan sebagai tulin Baucar Pembayaran MIDF berjumlah RM75,000 bertarikh 24 November 2020 bagi pembayaran pensanitasi tangan yang mana tertuduh mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen itu adalah palsu.

Kesalahan dilakukan di Unit Transformasi Masyarakat India (Mitra), Kementerian Perpaduan Negara, Putrajaya pada 2 Julai 2021. Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan.

Semasa prosiding, tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu agar tidak dipenjarakan dan diberi hukuman denda minimum kerana sudah kesal



S VIJAYA KUMAR

dengan perbuatan itu.

“Walaupun saya melakukan perkara ini atas arahan seseorang, tapi saya malu dengan keluarga, rakan-rakan dan masyarakat secara umumnya.

“Saya telah memberi semua butiran mengenai Tas-Covid kepada pihak berkuasa dan tiada transaksi kewangan masuk ke akaun bank saya,” katanya.

Timbalan Pendakwa Raya, A Kalaivani memohon hukuman setimpal kerana kesalahan itu serius selain mengambil kira kepentingan awam.

Mengikut fakta kes, tertuduh menyediakan baucar bayaran MIDF dalam laporan akhir kepada Mitra bagi perbelanjaan program Tas-Covid.

Siasatan mendapati syarikat yang dinamakan dalam baucar bayaran itu tidak membuat pembekalan pensanitasi tangan bagi program tersebut.